



## **HRD CORP MELANTIK DATUK RUSLI JAAFAR SEBAGAI PENERUS BAHARU**

**KUALA LUMPUR, 15 April 2026** – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) melantik Datuk Rusli Jaafar sebagai Pengerusi baharu, berkuat kuasa 1 April 2026.

Datuk Rusli memulakan perkhidmatan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), yang sebelum itu dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia pada tahun 1993. Pada tahun 2022, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SKM sehingga 2025.

Berpengalaman luas dengan lebih 32 tahun dalam sektor perkhidmatan awam, kepimpinan beliau yang penuh berwibawa telah membawa kepada pemeraksanaan institusi, memacu transformasi organisasi serta memperluas impak pembangunan sosioekonomi.

Memiliki Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Rusli telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh sektor kewangan dan ekonomi sebagai pemacu strategik pembangunan negara yang inklusif dan mampan.

Sepanjang kerjayanya, beliau memegang pelbagai jawatan kepimpinan kanan merangkumi bidang dasar, operasi, tadbir urus dan hal ehwal antarabangsa, serta menerajui pelbagai inisiatif strategik termasuk pelan pendigitalan SKM dan pembangunan dasar koperasi negara.

Di bawah kepimpinan beliau, SKM mencatat perkembangan yang memberangsangkan. Sehingga Disember 2025, jumlah aset keseluruhan gerakan koperasi di Malaysia yang diuruskan oleh SKM dianggarkan mencecah RM186 bilion dengan jumlah syer dan yuran melebihi RM18 bilion, sekali gus mencerminkan peranan signifikan sektor koperasi dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Sehingga tahun 2025, jumlah tunggakan pembiayaan di bawah Tabung Modal Pusingan SKM (TMP-SKM) berjaya dikurangkan kepada RM11.33 juta daripada RM20.67 juta sebelum ini. Walaupun negara berdepan cabaran pasca pandemik COVID-19, SKM berjaya mengurangkan tunggakan dalam kalangan koperasi hasil daripada pelaksanaan beberapa strategi berkesan yang diterajui oleh beliau.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Pada tahun 2024, buat pertama kali, pendaftaran koperasi di bawah SKM telah melepasi 1,000 koperasi setahun, berbanding purata sekitar 600 koperasi setahun sebelum itu. Pencapaian ini merupakan hasil pelaksanaan program-program kesedaran dan galakan berkoperasi secara lebih agresif dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, SKM turut berjaya memperoleh pengiktirafan Sijil Audit Bersih bagi penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, 2023 dan 2024. Laporan juruaudit mengesahkan bahawa penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan SKM bagi tempoh tersebut, serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh berkenaan. Pengiktirafan ini adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) serta keperluan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665].

Sumbangan beliau juga telah diiktiraf melalui beberapa Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta dianugerahkan Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) pada tahun 2024. Di bawah kepimpinan beliau, SKM turut menerima pengiktirafan apabila dianugerahkan Penghargaan Khas Organisasi pada Majlis Malam Anugerah Francais Malaysia 2024.

Pelantikan Datuk Rusli mencerminkan komitmen HRD Corp untuk terus memperkukuh mandatnya dalam menerajui pembangunan kemahiran, latihan tenaga kerja dan kelestarian modal insan. Ia juga sejajar dengan keutamaan nasional serta keperluan majikan dan tenaga kerja yang sentiasa berkembang.

## **TAMAT**

### **Mengenai HRD Corp**

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan agensi peneraju kerajaan Malaysia bagi pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Diurus selia oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan serta pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Tanggungjawab ini merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula serta peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, untuk menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini memastikan tenaga kerja Malaysia kekal berdaya saing di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan di Malaysia, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.

'MADANI Bekerja'

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.hrdcorp.gov.my](http://www.hrdcorp.gov.my).